



**IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA
WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051 (KPPV)
Email: kp@dvs.gov.my**

KENYATAAN MEDIA DARIPADA

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

PERLIS, KEDAH DAN PULAU PINANG PULIH DARI KEJADIAN PENYAKIT RABIES

STATUS SEBELUM

1. Kes terakhir penyakit Rabies pada haiwan di Malaysia adalah pada tahun 1999. Manakala negara telah mendapat status bebas penyakit rabies daripada Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE) pada Julai 2013.

KEJADIAN RABIES 2015

2. Walaubagaimana status tersebut berubah berikutan satu laporan kes gigitan anjing di FELCRA Sungai Sirih, Kaki Bukit, Perlis pada 27 hb Julai 2015. Anjing tersebut telah disahkan positif Rabies oleh *Veterinary Reseach Institute*, Ipoh.
3. Pada 8hb September 2015, DVS negeri Pulau Pinang telah melaporkan kejadian gigitan anjing pada tiga ekor rusa di daerah Seberang Perai Utara (SPU) dan sampel dari anjing tersebut juga didapati positif rabies. Seterusnya satu kes gigitan anjing pada

kanak-kanak di Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau pada 13hb September 2015 pula dilaporkan dan keputusan makmal juga mendapati positif rabies.

4. Pada 12hb September 2015, terdapat kes gigitan pada manusia di daerah Alor Setar, Kedah dan kes tersebut didapati positif penyakit rabies.

KES RABIES TERAKHIR

5. Kes terakhir dikesan positif adalah pada 21 September 2015 iaitu di Balik Pulau dan telah disahkan positif oleh VRI. Keseluruhan kes rabies positif adalah 11 kes (7 di Perlis, 3 di Penang dan 1 di Kedah).

PULIH RABIES

6. Sejak dari kes terakhir pada 21 September 2015, tiada lagi kes baru dikesan di ketiga-tiga negeri tersebut. Mengambil kira tempoh inkubasi penyakit selama 14 hari. Tempoh dari kes terakhir hingga ke hari ini sebanyak 3 kali jangkamasa inkubasi telah dicapai dan tiada lagi kes dikesan. Maka pada hari ini, 3 hb November 2015 adalah diisytiharkan kes rabies di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang telah **pulih (resolved)**.

TINDAKAN KAWALAN DITERUSKAN

7. Walaupun mulai hari ini, kejadian penyakit rabies di Perlis, Pulau Pinang dan Kedah diisytihar pulih. Negara masih belum boleh diisytihar negara bebas rabies seperti status diperolehi pada tahun 2013. Malaysia perlu membuktikan tiada penyakit untuk tempoh **dua tahun** selaras dengan para 8.13.3 Piawai Terrestrial Animal Health Code OIE. Jika tiada kes berlaku sehingga penghujung

2017, barulah Malaysia boleh mengemukakan laporan kepada OIE bagi tujuan tersebut.

8. Bagi memastikan hasrat ini dicapai aktiviti pengawalan rabies sediada akan diteruskan dan diperkukuhkan.

RUMUSAN

9. Rabies adalah penyakit haiwan dan boleh menjangkiti manusia yang mana akan menyebabkan kematian pada manusia tersebut. Tugas Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi memastikan rakyat Malaysia tidak dijangkiti penyakit ini memerlukan kerjasama pelbagai pihak. Populasi anjing yang terkawal dan dijaga dengan baik dapat memastikan kesejahteraan kepada haiwan dan manusia terjamin.

Lampiran

Jadual 1: Maklumat berkaitan usaha kawalan rabies di Perlis, Pulau Pinang dan Kedah, sejak penyakit mula dikesan hingga 31 Oktober 2015.

Bil	Perkara	Perlis	Kedah	Pulau Pinang	Jumlah
1	Bil anjing yang divaksin	1,838	6,506	2,854	11,198
2	Bil anjing yang dilesen	1,838	6,506	1,394*	9,738
3	Kawalan populasi anjing terbiar	302	2,294	2,224	4,820
4	Bil sampel otak anjing menggigit diuji positif	7	1	3	11
5	Bil orang yang digigit anjing	50	108	251	409
6	Bil kempen kesedaran yang telah dijalankan	24,332	7,413	574	32,319